

15 JAN 2001

Mahathir-rombakan

BUKAN ROMBAKAN BESAR, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata rombakan kabinet yang akan dilakukannya bukan rombakan yang besar.

"Saya telahpun katakan. Kamu tahulah saya. Saya tidak sewenang-wenang memecat orang kerana itu amat merugikan. Bayangkan, jika kita pergi ke pejabat dan bos kita kata, kamu telah dipecat, bagaimana rasanya?" kata Perdana Menteri kepada pemberita pada majlis sambutan Hari Raya anjuran Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di sini.

Ketika diminta menjelaskan tentang bilangan kementerian yang akan terlibat dengan rombakan itu, Dr Mahathir berkata : "Saya tak boleh sebut. Saya perlu persembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong (Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah) dahulu. Tak eloklah daripada segi protokol."

Kepada satu soalan, Perdana Menteri berkata beliau tidak menyerahkan sebarang surat mengenai rombakan kabinet kepada Seri Paduka Baginda hari ini.

"Tidak ada. Kita pergi jumpa Agong, kita makan tengah hari bersama dan tengok galeri Agong," katanya.

Yang di-Pertuan Agong dengan diiringi Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta beberapa menteri hari ini melapangkan masa bersama mengunjungi Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz di Kampung Jawa, Klang.

Ditanya bilakah beliau akan mengumumkan rombakan itu, Dr Mahathir berkata ia akan dibuat secepat mungkin.

Apabila seorang pemberita berkata kelewatan mengumumkan rombakan itu telah menyebabkan orang ramai membuat spekulasi, Dr Mahathir menjawab : "Kamu boleh teka sebanyak mana yang kamu mahu. Ia tidak ada kesan."

Ketika ditanya sama ada pengumuman itu akan dibuat sebelum Tahun Baru Cina yang jatuh pada 24 Jan ini, beliau berkata: " "InsyaAllah."

Ditanya sama ada pengumuman itu akan dibuat oleh Abdullah ketika beliau (perdana menteri) berada di Jepun untuk satu lawatan kerja, Dr Mahathir berkata: "Boleh jadi juga."

Dr Mahathir dijadual melawat Jepun selama lima hari bermula Rabu ini.

Kepada soalan sama ada merombak kabinet satu tugas yang sukar, beliau berkata : "Tidak, sama sekali tidak sukar."

Mengenai kemungkinan pembentukan sebuah kementerian baru untuk mengendalikan hal ehwal wanita, Dr Mahathir menggeleng kepala dan sambil tersenyum berkata beliau berpuas hati dengan kedudukan kabinet yang ada.

Mengenai pengganti Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman yang meletak jawatan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri awal bulan ini, Dr Mahathir berkata beliau belum membuat keputusan.

Ketika ditanya kenapa Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman tidak hadir pada majlis anjuran kementerian itu hari ini, perdana menteri berkata : "Beliau benar-benar sakit."

Kepada soalan sama ada Siti Zaharah merajuk kerana beliau mungkin terlibat dalam rombakan itu, Dr Mahathir berkata : "Dia sakit. Janganlah buat main...kalau tak percaya tanyalah Lafe (Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Dr Tiki anak Lafe)."

-- BERNAMA

HS RZ MAM MAI